

NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2015

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang dan liabiliti secara terperinci yang ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pesara (KWAP) setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah liabiliti oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) mengikut penyata

kewangan yang telah diaudit pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM745 juta yang terdiri daripada:

Butiran	RM'Juta	Peratus (%)
Pembiutang perniagaan dan pelbagai	270	36
Peruntukan zakat	58	8
Pendapatan tertunda	10	1
Peruntukan manfaat persaraan anggota	407	55
Jumlah	745	100

Jumlah liabiliti ini merupakan 1.4% daripada jumlah aset bersih LTH sebanyak RM54 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula, hutang semasa (liabiliti semasa) adalah berjumlah RM6.49 bilion mengikut Penyata Kewangan yang telah diaudit pada 31 Disember 2014 dan sebanyak RM8.509 bilion setakat Suku Tahun Kedua 2015 (Jun 2015) yang belum diaudit (tertakluk kepada pindaan).

Hutang dan Liabiliti secara terperinci adalah sebagaimana berikut:

	Setakat 31 Dis 2014 RM' Juta	Setakat 30 Jun 2015 RM'Juta
Pembiayaan Dan Liabiliti Terakru	4,995	6,608
Liabiliti Derivatif	933	1,284
Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja (MFRS 119)	357	393
Deposit Dan Pendahuluan	166	198
Pembiayaan Pengeluaran Caruman	39	26
Jumlah Liabiliti	6,490	8,509

Pembiayaan dan Liabiliti Terakru pula terdiri daripada:

	RM' Juta	RM' Juta
Akruan Pembelian Pelbagai Pelaburan	4,622	6,345
Akruan Pelbagai Pelaburan	102	130
Akruan Bayaran Pentadbiran dan Pelbagai	263	128
Lain - lain	8	5
Jumlah	4,995	6,608

Komponen utama Pembiayaan dan liabiliti terakru adalah akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung bulan yang mana

pembayaran akan dibuat pada beberapa hari berikutnya manakala Akruan Bayaran Pentadbiran dan Pelbagai bayaran pembiutang akan dijelaskan bayarannya dalam tempoh 14 hari atau mengikut terma kredit.

Bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pula, setakat 30 September 2015, KWAP mempunyai jumlah liabiliti / hutang bagi tujuan pembiayaan semula pembelian hartanah di United Kingdom (UK) sebanyak £246 juta dan di Australia sebanyak AUD180 juta kerana ia memberi perlindungan nilai dan hasil yang lebih tinggi.